

Untuk Siaran Segera

MRC SALUR RM228,000 UNTUK MISI BANTUAN KECEMASAN BANJIR KILAT BAGI 550 PENDUDUK DI KEDAH

YAN, 30 OGOS 2021 – Majlis Getah Malaysia (MRC) melalui Muslim Care Malaysia Society (MCMS) telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM228,000 yang akan diagihkan dalam bentuk barangan keperluan kepada mangsa-mangsa banjir kilat di Daerah Yan dan Kuala Muda, Kedah hari ini.

Penyerahan sumbangan ini telah disempurnakan oleh Encik Nurul Islam Mohamed Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif MRC melalui pemberian replika cek berserta barangan keperluan asas kepada Encik Zulkifli Wahijan, Presiden MCMS sambil disaksikan oleh YB Ustaz Mohd Azam Abd Samat, ADUN Sungai Limau di Pusat Pengumpulan Bantuan Banjir dan Bilik Gerakan Bencana Jerai, Masjid Al-Wustha, Guar Cempedak.

Dalam misi bantuan kecemasan di bawah program Bantuan Prihatin MRC, seramai 550 orang penduduk tempatan di sekitar kawasan Yan dan Gurun sebagai penerima sumbangan bagi membantu meringankan beban mereka yang mengalami kerosakan pada harta benda akibat daripada banjir kilat yang melanda sejak 18 Ogos yang lalu.

Antara yang menerima sumbangan pada hari ini juga terdiri daripada golongan pekebun kecil getah di Kampung Jawa, Yan.

Setiap keluarga akan menerima satu (1) set sumbangan makanan asas termasuk beras, gula, garam, tepung gandum, telur, minyak masak dan lain-lain serta barangan keperluan asas seperti set peralatan mandi atau pembersihan diri, toto dan kelengkapan ibadah berjumlah RM106,700.00 dengan setiap set bernilai RM194.00/beg.

Dua (2) keperluan tambahan lain seperti tong gas/14kg (berisi) dan dapur gas berjumlah RM121,000.00 juga akan dibekalkan buat keluarga yang memerlukan.

Dalam pada itu, Nurul Islam berkata, MRC akan terus komited dalam memberikan bantuan kepada masyarakat memerlukan yang terkesan daripada berlakunya hal-hal yang tidak diingini melalui Bantuan Prihatin MRC yang merupakan salah satu inisiatif di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) majlis itu.

[TAMAT]